

NO SOALAN :34

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. TUAN FONG KUI LUN  
(BUKIT BINTANG)****PERTANYAAN : LISAN****TARIKH : 20.11.2017**

**Y.B. TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan projek pembangunan Bandar Malaysia di atas tapak bekas Lapangan Terbang TUDM Sungai Besi termasuk pembiayaan projek dan program pembinaannya.

**JAWAPAN**

Tuan yang Dipertua,

Kemajuan Projek Penempatan Semula Pangkalan Udara Kuala Lumpur (PUKL) yang terkini untuk tapak-tapak terlibat adalah di antara 85% hingga 96%. Sebahagian fasiliti telah pun siap dan telah diserahkan pada Jun 2015. Manakala, tiga lagi fasiliti telah siap secara fizikal dan sedang dalam proses penyerahan kepada pengguna akhir.

Secara keseluruhannya, projek pemindahan PUKL dijangka akan dilakukan secara berperingkat bermula pada Disember 2017

Tuan yang Dipertua,

Pihak Kerajaan Malaysia hanya bertanggungjawab ke atas sebahagian daripada kos keseluruhan Projek Penempatan Semula PUKL, iaitu sebanyak RM1.1 bilion, manakala yang selebihnya ditanggung oleh 1MDB. Sehingga kini, Kerajaan telah pun membayar sepenuhnya berdasarkan kemajuan projek. Justeru itu, tiada bayaran tertunggak antara 1MDB dan Kerajaan.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN  
BAKRI [KUDAT]**

**TARIKH : 20 NOVEMBER 2017  
(ISNIN)**

**SOALAN : 35**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH** menyatakan bilakah Kerajaan bercadang  
untuk menaik taraf dan mengaspal jalan Mangkubau  
Laut dan Jalan Telaga dalam Daerah Pitas yang  
merupakan jalan ramai pengguna luar bandar dan  
mendapat rungutan paling banyak sekali.

69

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan Menaiktaraf Jalan Mangkubau Laut, Pitas telah disenaraikan dalam permohonan pelaksanaan Projek Jalan Luar Bandar di bawah RMKe-11, *Rolling Plan* 3 Tahun 2018. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) dan kedudukan semasa kewangan kerajaan.

Manakala bagi cadangan Menaiktaraf Jalan Telaga, Pitas, Sabah, projek ini juga telah tersenarai dalam senarai keutamaan kerajaan negeri dan Kementerian ini akan mengangkat permohonan semula untuk pelaksanaan pada *Rolling Plan* akan datang. Pelaksanaan projek ini juga adalah tertakluk kepada kelulusan oleh pihak UPE, JPM dan kedudukan semasa kewangan kerajaan.